

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Penerimaan Jurubank (BA)?

BA ialah kemudahan modal kerja jangka pendek untuk membiayai belian/import atau jualan/eksport barangan pelanggan daripada atau kepada entiti pemastautin/ bukan pemastautin.

Faedah-faedah BA

- Bagi pelanggan yang mempunyai modal kerja yang terhad, ia boleh menggalakkan perkembangan perniagaan melalui peningkatan modal kerja.
- Mempercepatkan dan meningkatkan aliran tunai, mengurangkan tekanan pembiayaan.

② Apakah Obligasi Anda?

- Anda mesti menyerahkan dokumen yang memuaskan dan boleh membuktikan transaksi perniagaan.
- Anda mengesahkan bahawa semua penghantaran, individu dan transaksi mematuhi sekatan dan undang-undang yang berkenaan, termasuk yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram.
- Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda tidak akan mendapatkan sumber pembiayaan lain daripada dokumen yang sama.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma dan syarat permohonan BA sebelum anda menandatangani.



Membayar amaun penuh BA termasuk komisen atau caj yang berkenaan pada tarikh matang.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

Memandangkan BA adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM), anda mungkin akan terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing sekiranya bayaran balik adalah dalam mata wang asing.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

1. Anda akan membayar lebih disebabkan oleh penalti pada kadar seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran, dikira dari tarikh matang hingga tarikh pembayaran penuh.
2. Dengan pemberitahuan awal, BOCM berhak menolak sebarang amaun tertunggak yang perlu dibayar di bawah produk ini dengan mana-mana akaun anda dikekalkan dengan BOCM.
3. BOCM berhak mengenakan sekatan daripada membuat permohonan lanjut sehingga semua BA tertunggak dibayar sepenuhnya.
4. BOCM berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika gagal dalam pembayaran balik.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM atau nilai setara)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Permohonan/ Pembayaran/ lanjutan BA	Kos Dana BA (COF) + Komisen Penerimaan Hasil diskaun BA akan ditentukan berdasarkan formula berikut: - $P = \frac{FV (1 - r \times t)}{36500}$ Where, P = Hasil diskaun FV = Nilai amaun BA r = Kadar faedah dalam peratusan setahun (p.a.) t = Bilangan hari yang tinggal hingga tarikh matang	<u>Permohonan BA:</u> Pembayaran dalam mata wang asing: Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. Bayaran dalam Ringgit Malaysia (RENTAS): Sebelum pukul 11.30 pagi, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 11.30 pagi, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. <u>Pembayaran/lanjutan:</u> Sebelum pukul 5 petang, proses pada hari yang sama.
Nota: ▪ Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html untuk senarai penuh fi dan caj; ▪ Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan; ▪ Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan BA dan dokumen adalah lengkap; ▪ Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukal.		

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai BA kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/trade-finance/bankers-acceptance.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Nombor Perhubungan: +603-2616 7766

E-mel: enquiry@akpk.org.my